

# KERATAN AKHBAR

CHINA PRESS

TARIKH: 08 OGOS 2019

MUKA SURAT: C1

## **SELANGOR MEMBINA KILANG PENJANAAN KUASA SEMULA SISA PEPEJAL PERTAMA BAGI MENGURUSKAN SAMPAH**

**[KUALA LUMPUR]** Pada masa kini, jumlah sampah yang ada di Selangor ialah 7,000 tan. Ia menyebabkan tempat pengurusan sampah telah penuh dan terpaksa menanam sampah di kawasan lapang yang berdekatan. Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut, kerajaan Selangor akan membina kilang penjanaan kuasa sisa pepejal di Selangor bagi menguruskan jumlah sampah yang banyak dan pada masa yang sama ia boleh ditukar menjadi kuasa. Kilang tersebut akan dibina di Jeram, Tanjung 12, Bestari jaya, Bukit Tagar, Gombak 5, Sungai Kertas, Kuang 6 dan Panchang Bedena. Menurut Tuan Hee Loy Sian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) Dan Hal Ehwal Pengguna, pada fasa permulaan, kos pembinaan kilang pertama ialah RM500 juta dan kilang tersebut dapat menguruskan 1,000 tan sampah setiap hari. Beliau berkata kilang tersebut bukan saja dapat mengurangkan timbunan sampah dan masalah persekitaran, ia juga dapat menukar sampah yang terbakar menjadi kuasa.